

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI IPOH
DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT

NO. AA-28NCC-2-01/2020

PER : PEMBINAAN MARWAN SDN. BHD
(NO. SYARIKAT: 103470-H/198301008216)

NOTIS JUALAN SECARA TENDER AWAM

Perintah Penggulungan Syarikat telah dibuat pada 12.08.2020. Dengan ini Pegawai Penerima dan pelikuidasi Syarikat Pembinaan Marwan Sdn. Bhd. akan menjual aset yang disenaraikan dalam Jadual secara Tender Awam.

BIL	JENIS ASET	MAKLUMAT HARTA	HARGA REZAB
1	Hartanah Kosong Bebas Bebanan	(a) No Lot : Lot 10545 (b) No Hakmilik : PN 300810 (c) Mukim: Mukim Gunong Semanggol (a) Daerah : Daerah Kerian (b) Luas Tanah: 474 m.p. (f) Kategori Kegunaan Tanah : Bangunan (Tapak rumah kediaman) (g) Alamat aset : (PT 3982) Bukit Merah Lake Town 34400, Simpang Ampat Semanggol, Perak	RM76,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : TUJUH PULUH ENAM RIBU SAHAJA)

1. Tawaran yang ingin dibuat hendaklah menggunakan surat tawaran di Lampiran G dan dimasukkan ke dalam sampul surat.

Sampul surat tersebut hendaklah dituliskan dengan **"TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT PEMBINAAN MARWAN SDN BHD"** pada sudut kiri sebelah atas sampul surat. Surat tawaran tersebut hendaklah dikemukakan sama ada melalui pos atau dengan tangan ke alamat yang berikut:

**Peti Tender Khas
Unit Likuidasi
Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Ipoh
Tingkat 2, Bangunan KWSP
Jalan Greentown
30450 Ipoh, Perak**

2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan wang deposit dalam bentuk bank draf/wang pos sebanyak 10% daripada harga yang ditawarkan dan hendaklah dibayar atas nama **"Ketua Pengarah Insolvensi (No. Insolvensi: LC000231/2020)"**.

Tawaran yang tidak disertakan dengan wang deposit dan jumlah wang deposit yang tidak mencukupi akan ditolak.

3. Bagi penawar yang tidak berjaya wang deposit akan dikembalikan tanpa faedah.

4. Sekiranya penawar yang berjaya tidak menjelaskan wang baki (90%) dalam tempoh ***Sembilan Puluh (90) hari** dari tarikh pemberitahuan penerimaan tawarannya tersebut atau tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pegawai Penerima Malaysia dan Pelikuidasi Syarikat Pembinaan Marwan Sdn. Bhd., maka penjualan ini adalah dianggap terbatal dan wang deposit tersebut tidak akan dikembalikan.

5. Semua penawar dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan aset tersebut dan penjualan ini secara **keadaan seperti sedia ada (*as is where is basis*)**.
6. Tunggakan cukai dan caj yang dikenakan sebelum tarikh Perjanjian Jual Beli akan ditanggung oleh Penjual. Segala urusan dan kos pemindahan aset termasuk kos membersihkan premis tersebut ditanggung oleh Pembeli (Penawar) yang berjaya (jika berkenaan).
7. Tawaran akan ditutup pada **06.01.2026 @ Selasa, jam 12.00 tengahari** dan tawaran yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan diproses.
8. Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat PEMBINAAN MARWAN SDN. BHD tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.
9. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) Cawangan Ipoh akan mengadakan Hari Lawat Periksa untuk penawar membuat pemeriksaan aset pada ketentuan berikut:

Tarikh : 30.12.2025

Masa : 10.00 am

Lokasi : Lot 10545, (PT 3982) PN 300810, Mukim Gunong Semanggol, Daerah Kerian, Negeri Perak

10. Tawaran yang berjaya akan tertakluk kepada terma dan syarat dalam perjanjian yang ditetapkan. Bagi penjualan harta tanah hendaklah mendapat kelulusan pindah milik daripada Pihak Berkuasa Negeri (jika berkenaan).
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Ahmad Fadzli bin Mohamed Husin di nombor 05-2409458 dari Jabatan Insolvensi

Malaysia (MdI) Ipoh, alamat e-mel, fadzli.husin@mdi.gov.my atau hubungi di talian utama 05-2409400.

Bertarikh pada 10.12.2025.



(ADIBAH BINTI ABDUL KADIR)
Penolong Kanan Pegawai Penerima
b.p. Pegawai Penerima & Pelikuidasi
[Rujukan: LC000231/2020]



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
TAIPING
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**



LOT : 10545

MUKIM: GUNUNG SEMANGGOL

DAERAH: KERIAN



PANDANGAN UMUM HARTA TANAH SUBJEK

**ALAMAT HARTA TANAH:
(PT 3982), BUKIT MERAH LAKE TOWN**

LAMPIRAN G

SURAT TAWARAN UNTUK MEMBELI ASET MILIK SYARIKAT DIGULUNG

Alamat: _____

[cop pejabat, jika ada]

No. Telefon: _____

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada:

Peti Tender Khas,
Unit Likuidasi,
Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Ipoh
Tingkat 2, Bangunan KWSP
Jalan Greentown
30450 Ipoh, Perak.

Tuan,

Perkara: Tawaran Untuk Membeli Aset Milik ~~Bankrap/Syarikat Digulung/Pertubuhan/Kesatuan Sekerja Dibatalkan Pendaftaran~~

Merujuk kepada perkara di atas, saya/kami menawarkan untuk membeli aset berikut:

Harga Tawaran : RM.....
(Ringgit Malaysia)

1. Bersama ini kami sertakan *Draf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Ketua Pengarah Insolvensi [No. Insolvensi: LC000231/2020] / Pegawai Penerima dan Pelikuidasi Syarikat PEMBINAAN MARWAN SDN. BHD** sebagai deposit 10% daripada harga tawaran kami di atas:

- a) Draf Bank/Kiriman Wng/Wang Pos No.:
b) Tarikh :
c) Amaun:
RM.....
(Ringgit Malaysia :)

Sekian. Terima kasih.

Saya Yang Benar

.....[tanda tangan]

..... [nama penawar]

Nota:

- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
Sila catatkan no. kebankrapan, nama dan no. kad pengenalan bankrap/no. penggulungan syarikat, nama syarikat dan no. pendaftaran syarikat/nama pertubuhan/kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya di belakang Draf Bank/Kiriman